

KOLOKIU **SISWAZAH KITA,** **SEMESTER 2, SESI 2019/2020**

(Sarjana & Doktor Falsafah, Pengajian Etnik)



Tarikh: 1 Julai 2020 (Rabu - Sesi A)

2 Julai 2020 (Khamis - Sesi B)

Masa: 9.30 pagi – 5.30 petang

Sesi Melalui Microsoft Teams:

<http://shorturl.at/cuK89>

Image source : Ylanite Koppens

Buku Atur Cara & Abstrak
Programme & Abstracts Booklet

Semester 2, Sesi 2019/2020

1-2 Julai 2020 (Rabu & Khamis)
9 pagi – 1.00 tghari

Melalui Microsoft Teams
<http://shorturl.at/cuK89>



Institut Kajian Etnik (KITA)
Kolej Keris Mas
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan

Nama: MOHD SHAHRUL IMRAN LIM ABDULLAH
No. Pelajar: P73257
Program: Doktor Falsafah (P. Etnik)
Penyelia: Prof. Shamsul Amri Baharuddin / Dr. Pue
Giok Hun
Tahap Pembentangan: Laporan kemajuan

Evolusi dan Identiti Etnik Minoriti Cina Peranakan Kelantan Sebagai Identiti Masyarakat Plural: Kajian Kes di Kampung Pasir Parit, Chetok, Pasir Mas, Kelantan

Hubungan interetnis Melayu-Cina di Malaysia sering digambarkan sebagai sentiasa bertentangan dan dipertikaikan namun sebaliknya hubungan antara etnik antara Melayu di Kelantan dan Cina agak lebih aman dan harmoni. Kedua-dua kumpulan etnik dilihat sebagai memiliki antara satu sama lain walaupun agama mereka berbeza terutamanya dalam konteks hubungan antara etnik antara masyarakat Melayu-Siam dan Cina Peranakan Kelantan (CPK), yakni kumpulan subetnis Cina yang ahli komunitinya bersusur galur keturunan Cina dan mengamalkan budaya dan adat resam Cina. Justeru, tesis ini mengkaji sejauh mana kejayaan CPK menyesuaikan kebudayaan Cina yang diwarisi dengan persekitaran baharu sehingga dapat membentuk hubungan harmonis dengan masyarakat hos dalam mengekalkan identiti etnik mereka. Sehubungan itu, objektif kajian ini bukan sahaja mengupas tipologi dan evolusi identiti etnik minoriti Cina Peranakan Kelantan dalam konteks kajian terdahulu hingga kini, malah bertujuan untuk mengenal pasti makna potensi identiti etnik minoriti Cina Peranakan Kelantan sebagai model kesepaduan dalam konteks masyarakat multietnik dan cabaran pelaksanaan identiti etnik minoriti Cina Peranakan Kelantan sebagai model kesepaduan dalam konteks masyarakat kontemporari. Kaedah kajian ini menggunakan pendekatan sosiologi sejarah dan pengumpulan data melalui kaedah strategi penyelidikan abduktif. Hasil kajian mendapati tipologi kemahiran bermasyarakat merupakan faktor identiti Cina Peranakan Kelantan dipertahankan hingga kini dan sesuai untuk model kesepaduan sosial.

Nama: MOHAMAD FAKHRUL ANUAR BIN MOHAMED
RAMLI
No. Pelajar: P98887
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia: Prof. Shamsul Amri Baharuddin / Dr. Md
Khaldun Munip Abd Malek
Tahap Pembentangan: Usulan

Pola Dan Pengaruh Kedinamikan Kesukuan Melayu Di Perak

Negeri atau negara mana sekalipun, para pemerintah dan pentadbirnya pasti mahukan pertumbuhan yang sihat wujud di dalam wilayahnya. Hasrat yang sama juga diimpikan oleh penduduk dan rakyatnya yang patriotik supaya kemakmuran dapat dirasai dan dilimpahkan kepada semua. Justeru, subjek kajian ini dibawah rumpun penyelidikan Teori Sosial dan Kajian Etnik; yang bertajuk: "Pola dan Pengaruh Kedinamikan Kesukuan Melayu di Perak" menumpukan analisis sosial mengenai sub-sub etnik Melayu di negeri Perak bagi membedah siasat pola dan pengaruh kedinamikan kesukuan intra-etnik yang berlaku di kalangan orang-orang Melayu sesama mereka sahaja, misalnya hubungan dalam lingkungan suku/keturunan Aceh, Banjar, Bugis, Jawa, Minangkabau, Mendeleng, Pattani, Rawa dan seumpamanya. Sumbangan akademik kajian ini disudut mengukur kesepaduan sosial yang wujud di dalam masyarakat Melayu khususnya di Perak. Pengkaji mahu mengkaji apakah pola-pola dan pengaruh-pengaruhnya secara spesifik malah keterkaitannya dengan masalah-masalah, punca-punca, halangan-halangan dan cabaran penyelesaiannya sebagai hasil dapatan kajian. Apakah faktor-faktor yang membina kejayaan kesepaduan sosial, sinergi, kompetitif yang ideal dalam sesebuah masyarakat. Seterusnya konsep kesukuan Melayu itu menyumbang ke arah kedinamikan positif yang memacu koordinasi laksanakan perancangan negeri atau negara. Melalui disiplin epistemologi ilmu sains sosial, teori Modernisasi dan postmodernisasi yang mengupas fenomena, mekanisme dan senario tertentu yang melatari wacana penyelidikan ini. Tidak ketinggalan legasi dari Ilmu Kolonial yang memberikan data-data dan rekod-rekod yang mendukung kajian.

Nama: NORFADHLINA BINTI MD NOOR
No. Pelajar: P93196
Program: Doktor Falsafah (P. Etnik)
Penyelia: Prof. Mansor Bin Mohd Noor / Prof. Madya Dr.
Chang Peng Kee & Dr. Shazlin A. Hamzah
Tahap Pembentangan: Laporan kemajuan

Nama: OO CHENG KEAT
No. Pelajar: P96790
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia: Prof. Madya Dr. Kartini Binti Aboo Talib @
Khalid / Dr. Atiqah Tang
Tahap Pembentangan: Usulan

Pembinaan Bingkai Agama Dalam Akhbar Dalam Talian di Malaysia

Kefahaman masyarakat dan kestabilan negara tentang isu-isu berlegar dalam masyarakat pada hari ini sangat dipengaruhi oleh berita-berita yang dilaporkan oleh media. Kajian ini memberi fokus kepada bagaimana media membina bingkai berita agama Islam di dada akhbar-akbar mereka. Berita agama Islam dibingkai berdasar pelbagai tafsiran satu kontinum bermula dari konservatif iaitu ibadah, hukum hakam kepada progresif iaitu penyelesaian masalah agama dan penyuburan kehidupan ke arah kemajuan dan peradaban. Peradaban Islam pada masa lampau jelas menunjukkan Islam sebagai sebuah agama yang progresif meliputi segala bidang kehidupan seperti ekonomi, perdagangan, politik, sosial dan tidak hanya terbatas kepada urusan ibadah peribadi kepada tuhan. Namun dunia pada hari ini mula memperlihatkan bagaimana Islam ada kalanya tidak lagi ditafsir secara seimbang dan fahaman ini diperkukuhkan lagi oleh media sebagai sumber maklumat dan kefahaman masyarakat. Islam dari sudut ilmu, kefahaman dan amalan adalah anti-tesis dengan Islam konservatif yang diwar-warkan oleh media yang akhirnya membina sempadan di antara umat Islam dan bukan Islam yang mampu menyumbang kepada salah faham dan ketegangan, terutama bagi sebuah negara yang mempunyai komposisi masyarakat kepelbagaian agama. Oleh yang demikian, kajian ini ingin mengenal pasti bingkai berita tentang wacana Islam yang dilaporkan oleh akhbar atas talian, iaitu Utusan, News Straits Times, Harakahdaily, Free Malaysia Today dan Malaysiakini yang dianalisis pada tempoh empat bulan sebelum dan selepas PRU14 serta sebulan dan sebelum PRK14. Dengan memahami secara jelas kerangka konsep pembedingkaian, kajian ini telah membina instrumen kajian pembedingkaian media bagi mengenal pasti bingkai media yang seterusnya berupaya menjelaskan dan memahami aspek fenomena sosial yang mempengaruhi kepada pembedingkaian media tersebut. Kefahaman diperolehi dari proses pembedingkaian media di negara ini akan meningkatkan lagi keharmonian, keamanan, kesepaduan sosial dan kestabilan dalam masyarakat pelbagai etnik dan agama di Malaysia.

Global Citizenship Education in Malaysia

In September 2012, the then UN Secretary-General, Mr. Ban Ki Moon has launched Global Education First Initiative (GEFI) through the United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation (UNESCO) to promote global citizenship education (GCED). GCED focuses on learning from other transformative education processes, like human rights, inter-national or intercultural understanding, sustainable development, as well as education for peace. The overall images that emerge from the literatures were focusing on public universities' students as well as teachers' perception on GCED from the perspectives of knowledge, skills and attitudes in the Malaysia context. Hence, the aims of this research are: i) to explain the importance of GCED in the context of Malaysia through the lenses of experts and the policy-makers; ii) to examine the integration of GCED in national-level curriculum of Malaysia; iii) to investigate the opportunities and challenges of implementation of GCED in Malaysia. Using national curriculum and interviews (both experts and focused group) in my research, I argue that GCED is not a passive learning process on cosmopolitanism by itself, but the importance of GCED is to promote understanding which lead to action among the global citizens locally and internationally. GCED as a subject in school is not static but dynamic. GCED enables our students to be more sensitive, proactive and alert to political, social, cultural and economic world realities as they unfold. Without a doubt, GCED is in line with the Malaysian Education Blueprint 2013-2025 which is to enable every student to leave school as a global citizen, with core and universal values and a strong Malaysian identity.

Nama: FATIMAH BINTI MOHD TAJUDDIN
No. Pelajar: P84037
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia: Dr. Adil Johan / Dr. Shazlin A. Hamzah
Tahap Pembentangan: Laporan kemajuan

**Facilitating deeper understanding of
ethnic relations and conflict:
Exploring the use of selected Malaysian films
in education**

This study seeks to understand the lack of deeper understanding of interethnic relations among Malaysians even though many educational efforts have been implemented. The purpose of this study is to identify the use of selected Malaysian films between the filmmaker, educator and student in the facilitation of deeper understanding of Malaysia's interethnic relations and conflict. This research will utilize a constructivist stance by utilizing Charmaz's grounded theory approach such as interviews with the filmmakers, and a focus group discussion with educators and students to evaluate how they perceive the social reality of ethnic relations in Malaysia and how they perceive and utilize the films. Three controversial Malaysian films have been chosen to represent the issues of interethnic relations and conflict in Malaysia which are, Sepet (2005), Gadoh (2009), Nasi Lemak 2.0 (2011). It was anticipated that the knowledge generated from this inquiry would afford new insights and so inform tertiary education practice on different educational strategies to facilitate deeper understanding with regards to Malaysia's interethnic relations.

Nama: NOOR ATIKA SHAFINAZ BINTI NAZRI
No. Pelajar: P92313
Program: Doktor Falsafah (Pengajian Etnik)
Penyelia: Prof. Madya Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid
Tahap Pembentangan: Laporan kemajuan

**Penglibatan NGO
Dalam Bantuan Kemanusiaan Terhadap Pelarian Di Malaysia**

Misi NGO untuk menyelesaikan konflik dan meningkatkan kualiti hidup sudah mula mendapat pengiktirafan dalam pelbagai peringkat, nasional dan antarabangsa. Rata-rata pematuhan kepada prinsip kemanusiaan dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1991 yang melibatkan kemanusiaan, kesaksamaan, berkecuali dan kebebasan cuba dipraktikkan. Namun prinsip ini hanya terpakai dan sering dibahaskan di dalam ruang konflik. Justeru, bagi kes di Malaysia yang tidak mempunyai konflik, timbul persoalan adakah prinsip ini boleh diaplikasikan dan bagaimana NGO menggunapakainya dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan terhadap pelarian di Malaysia? Kajian ini cuba mengkaji bentuk bantuan kemanusiaan yang dilaksanakan sekali gus menilai kewajaran bentuk bantuan tersebut. Selain itu, kajian juga cuba menganalisis penggunaan ruang kemanusiaan serta tingkat pematuhan prinsip kemanusiaan dalam aktiviti kemanusiaan. Akhirnya, kajian berhasrat untuk mengenal pasti kewujudan bentuk hubungan transaksional individu dan organisasi dalam NGO. Teori masyarakat sivil, konsep ruang kemanusiaan dan hubungan transaksional dalam masyarakat diberi tumpuan serius dalam meneliti objektif kajian. Pendekatan kualitatif dengan tumpuan kepada kajian perpustakaan, temubual dan pemerhatian turut serta telah dimanfaatkan. Data primer dipungut melalui beberapa temu bual manakala kaedah pemerhatian turut serta dilaksanakan dalam pelbagai aktiviti bersama tiga buah NGO; Global Peace Mission Malaysia, My Care dan Malaysian Humanitarian Aid and Relief. Pemilihan NGO ini dibuat kerana keterlibatannya secara aktif dalam membantu pelarian di Malaysia sejak penubuhan organisasi. Selain itu, pungutan data juga telah dimanfaatkan daripada pelarian itu sendiri yang dipilih secara rambang. Dapatan pertama kajian menunjukkan aktiviti bantuan kemanusiaan NGO terhadap pelarian di Malaysia lebih menumpukan kepada keperluan asas, hakikatnya terdapat kehendak lain yang menjadi tuntutan utama iaitu saluran aduan, tempat perlindungan sementara, penyediaan perundangan, rawatan psikologi dan kelas bahasa. Kedua, pematuhan prinsip kemanusiaan boleh diaplikasikan di ruang yang tidak mempunyai konflik selagi mana terdapat aktiviti penyaluran bantuan kemanusiaan oleh NGO. Ketiga, wujudnya kepentingan-kepentingan yang melingkari individu dan organisasi di dalam NGO demi mencapai matlamat tersendiri.

Nama: SOON PAU VOON
No. Pelajar: P92235
Program: Sarjana (P. Etnik)
Penyelia: Dr. Eric Olmedo Panal / Dr. Pue Giok Hun
Tahap Pembentangan: Laporan kemajuan

**The feast at the hungry ghost festival:
A study of commensality of Malaysian Chinese
in Bukit Mertajam, Penang**

This study explores the subject of food and power of the Malaysian Chinese which practices the Chinese popular religion. This study undertakes the Hungry Ghost Festival in Bukit Mertajam, Penang as the subject of study. The purpose of this study is to investigate the significance of religious festivals through the lens of food. This study explores the two main themes of ritual and commensality of food offerings. Ethnographic data show that the food offerings in the ritual mark a continuity of the Malaysian Chinese's ethnic Chinese identity which had been brought over by their ancestors from China. While food offerings of non-ethnic Chinese origin show that the ritual is not a static one, but changes with time thanks to political, historical, economical influences in the multi-ethnic environment of Malaysia. The performed ritual displayed a system of thick symbols that are open to interpretation. This study attempts to borrow Maussian notion of gift and reciprocity to explain the social function of food offerings in the community. The sharing of the ritual foods suggest that commensality provides the space in the creation, maintenance and fostering of solidarity among the community. This study gives a deeper understanding of religious festivals as well as contribute to the body of literature in the study of Chinese popular religion in Malaysia. (

Sekalung Penghargaan / Acknowledgements

Pengulas / Reviewers:

- Prof Teo Kok Seong (KITA) • Prof. Madya Dr. Kartini Binti Aboo Talib @ Khalid (KITA) • Abdul Latiff Ahmad (FSSK) • Prof. Madya Mohd Mahzan Awang (FPEND)
- Prof. Madya Dr. Shanthini Pillai (FSSK) • Dr. Andika Ab. Wahab (IKMAS)
- Rachel Chan Suet Kay (KITA)

Urusetia / Committee:

Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin • Prof. Madya Dr. Kartini Aboo Talib @ Khalid • Dr. Shazlin Amir Hamzah • Dr. Pue Giok Hun • Cik Najatulmuna • Pn. Suhana Bahtiar • En. Muhamad Shamri Rahmat • Cik Hezreen

Warga KITA / KITA Family